Praktis PT3 4

Baca sajak di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri.

KUINGIN BERTERIMA KASIH

1 Sesekali kuingin berterima kasih
kepadamu hujan bagai tetamu
jiwa pun menjadi dingin
api amarah pun terpadam.

2 Sesekali kuingin menyemai budi
kepadamu tanah yang hidup
kerana perutmu setia menghamilkan
rezeki buat petani.

3 Sesekali kuingin berbisik kepadamu
ikan-ikan yang riang
liar di belantara samudera
kerana sudi *membebaskan derita*
nelayan tua di pondoknya.

4 Sesekali kuingin kalungkan kagum
kepadamu pejuang negara
kerana tanganmu pernah berdarah
darah kesetiaan seorang warga
kepada watan tercintanya.

5 Sesekali kuingin pula menjadi bunga
menebarkan keharuman
di taman-taman keresahan hidup
menyerahkan keinsafan
kepada keangkuhan perang.

6 Alangkah indahnya dunia
andai semua merenung
kekosongan hidup ini.

Ihsan Noorzali

1 Maksud frasa *membebaskan derita* adalah seperti ARAS: R
- **A** membawa kesusahan.
- **B** menambah kerumitan.
- **C** membebankan fikiran.
- **D** membasmi kemiskinan.

2 Berdasarkan rangkap kedua, penyajak ingin berbudi kepada tanah kerana 「OMG m.s. 74」 ARAS: S
- **A** petani tidak mempunyai kerja lain selain daripada bertani.
- **B** tanah subur dan boleh memberikan hasil kepada petani.
- **C** petani ingin mencari rezeki untuk isterinya yang hamil.
- **D** tanah itu merupakan tanah pusaka isterinya.

3 Dalam rangkap keempat, penyajak berasa kagum terhadap pejuang negara atas beberapa sebab, **kecuali** 「OMG m.s. 74」 ARAS: S
- **A** mereka lari dari medan perang kerana ingin melindungi diri sendiri.
- **B** mereka mempunyai rasa cinta yang mendalam terhadap tanah air.
- **D** mereka menggadaikan nyawa demi negara.
- **C** mereka berani mempertahankan tanah air.

4 Apakah contoh penggunaan gaya bahasa metafora dalam sajak ini? ARAS: S
- **A** Menebarkan keharuman
- **B** Belantara samudera
- **C** Watan tercintanya
- **D** Menjadi bunga

5 Dalam rangkap kelima sajak ini dijelaskan tentang keangkuhan perang. 「OMG m.s. 74」 ARAS: T
Pada pendapat anda, manakah antara berikut bukan kesan negatif peperangan?
- **A** Mengorbankan nyawa
- **B** Menyebabkan kecederaan
- **C** Memusnahkan infrastruktur
- **D** Memutuskan hubungan sosial

03 Antologi

Jawapan

Tidak Boleh Diguna

OMG5 BM Tg 1 - 08 Antologi.indd 83
LIVEWORKSHEETS